# RISDA

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

## KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

| No. Tender | Tajuk Kerja | Syarat-Syarat Pendaftaran | Lawatan Tapak | Tempoh Pembelian Dokumen Tender | Tarikh/ WaktuTutup/ Pejabat Yang Mengeluarkan Tender |
|---|---|---|---|---|---|
| **7.0-14/2017** | **KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM AIR HANDLING UNIT (AHU) TERMASUK KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DARI TINGKAT BAWAH HINGGA TINGKAT 12 DI BANGUNAN IBU PEJABAT RISDA** | **BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G3**<br><br>**Kategori ME Pengkhususan M01 & M15 & E04 & E11**<br><br>**SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)**<br><br>**SIJIL TARAF BUMIPUTERA (STB) OLEH PKK** | **31/07/2017 (Isnin)**<br><br>**Jam : 11.00 Pagi**<br><br>**KEHADIRAN DIWAJIBKAN**<br><br>Tender ini mensyaratkan bahawa **hanya penama** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) yang boleh menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat tender. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PKK dan SPKK.<br><br>**Tempat Taklimat :**<br><br>**Tingkat G, Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur**<br><br>**Tel : 03-42564022** | Mulai pada<br><br>**01/08/2017** (Selasa)<br><br>sehingga<br><br>**22/08/2017** (Selasa) | **22/08/2017 (Selasa)**<br><br>**Tepat Jam 12.00 Tengahari**<br><br>Urusetia :<br><br>**Urusetia Perolehan RISDA, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, KM 7,Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.** |

Dokumen tender bernilai **RM85.00** (termasuk GST) hendaklah dibayar dalam bentuk Wang Tunai/Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama **"KETUA PENGARAH RISDA"**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

**Isnin hingga Khamis : Dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan**
**Dari jam 2.30 petang hingga 3.30 petang;**

**Jumaat : Dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan**
**Dari jam 3.00 petang hingga 3.30 petang.**

Dokumen Tender hanya dikeluarkan kepada kontraktor yang sah dan layak sahaja. **Satu kontraktor** dibenarkan membeli hanya **satu naskah** dokumen tender sahaja . Untuk maksud ini, kontraktor wajib membawa **SIJIL LAWATAN TAPAK ASAL**, **SIJIL ASAL PENDAFTARAN PKK** dan **CIDB** yang masih sah tempoh pendaftaran serta **DUA (2) salinan pendua sijil-sijil PKK DAN CIDB berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen tender**. Perkhidmatan fotostat tidak disediakan. Petender dikehendaki menyediakan pengangkutan sendiri semasa menghadiri lawatan tapak.

Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Kerja dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender Urusetia Lembaga Perolehan RISDA, Bahagian Kewangan dan Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, KM 7, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur** tidak lewat daripada 22/08/2017 (Selasa) sebelum jam 12.00 tengah hari.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

**"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH**
**DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"**